

28/12/2000

Amalan berkunjung eratkan silaturahmi

SELEPAS menjalani ujian berpuasa selama sebulan, umat Islam meraikan kemenangan dengan sambutan Aidilfitri secara sederhana tetapi meriah di seluruh negara semalam. Dengan negara kian pulih daripada kesan kegawatan ekonomi, tentunya kedatangan 1 Syawal kali ini disambut dengan lebih kegembiraan, apatah lagi dengan keupayaan untuk berbelanja lebih sedikit daripada biasa. Rumah terbuka terus diadakan tanpa mengira kedudukan seseorang sama ada kaya atau miskin. Amalan kunjung-mengunjungi juga terus bersemarak bagi mengeratkan silaturahmi. Dibandingkan dengan pergolakan di sesetengah negara Islam, rakyat Malaysia harus lebih bersyukur kerana dapat menyambut lebaran dalam suasana ketenteraman. Inilah antara nikmat yang dapat dikecapi hasil kemakmuran.

Sesudah sebulan berjihad melawan hawa nafsu, berakhirnya Ramadan al-Mubarak tidak bermakna berakhirnya juga perjuangan menundukkan kebatilan. Malah, umat Islam sangat dianjurkan agar semangat membantu golongan yang memerlukan, keinsafan menjiwai kepayahan fakir dan miskin serta amalan berbaik-baik tanpa mengira taraf dan latar belakang, hendaklah terus dipupuk dan dibajai. Dengan cara itu, keadaan berlapar dan dahaga sepanjang Ramadan serta kegembiraan sepanjang Syawal, akan terus diinsafi dan disyukuri agar tidak terpesong daripada tuntutan agama Islam supaya umatnya sentiasa mengekalkan semangat persaudaraan dan bersatu-padu.

Sebagaimana perutusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Aidilfitri malam kelmarin, umat Islam di negara ini hendaklah melupakan perselisihan faham dan permusuhan antara mereka dalam agama dan politik menerusi amalan bersalam-salaman dan bermaaf-maafan. Benar seperti yang ditegaskan oleh Perdana Menteri, perbezaan pendapat antara individu akan berterusan tetapi tidak harus sama sekali menjejaskan persaudaraan sesama umat Islam. Maksud asal amalan bersalaman supaya kembali kepada ajaran Islam yang menyuruh mereka bersaudara dan bersatu-padu hendaklah sentiasa dihayati dalam membersihkan diri daripada segala sangkaan buruk, sifat berdendam dan dengki khianat yang akan merugikan umat Islam sendiri. Moga-moga kemesraan yang dapat dijalin akan berpanjangan dan hubungan yang kian renggang dipulihkan sepenuhnya.

Sejarah mengingatkan kita terhadap bagaimana perpaduan, persefahaman dan kemesraan pernah menggemilangkan umat Islam hingga memiliki empayar yang luas dan dihormati penganut agama lain. Sebaliknya, perpecahan dan permusuhan yang didorong oleh ketaksuban terhadap fahaman dan kepentingan sendiri, kemudiannya menyebabkan umat Islam menjadi lemah dan mudah ditakluki. Kita di Malaysia tidak dapat menidakkan sejarah dan wajar mengambil iktibar untuk mengelak daripada melakukan kesilapan yang sama. Kita akan melakukan kesilapan amat besar dan menanggung padah yang berpanjangan andainya membiarkan ketaksuban kepada fahaman politik masing-masing mengatasi keperluan untuk bersatu-padu serta bersaudara sebagai umat Islam. Aidilfitri kali ini diharapkan menjadi jambatan bagi umat Islam di negara ini yang bertelagah, kembali bersatu.

(END)